

## SOALAN LAZIM (FAQ) – DASAR CAJ PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG DIKEMASKINI

Tarikh Berkuatkuasa: 1 Julai 2025

### Q1. Apakah perubahan utama dalam Skim Caj Perkhidmatan Kesihatan Kementerian Kesihatan?

Kementerian Kesihatan kini sedang melaksanakan pengemaskinian terhadap Skim Caj Perkhidmatan Kesihatan bagi menyesuaikan semula pelaksanaannya dengan situasi semasa penyakit di negara ini, khususnya peningkatan kes-kes penyakit kronik seperti Kardiovaskular, Strok, Diabetes, Kanser dan penyakit buah pinggang, serta mengambil kira keperluan untuk perbelanjaan yang lebih berhemah dan untuk menjamin kelestarian kewangan negara dalam masa panjang.

Perubahan utama dalam skim ini adalah pelaksanaan caj berdasarkan **status Kad Pengenalan (KP)** individu.

Pemegang **KP Hijau** dan **KP Ungu (warganegara asing)** kini akan dikenakan **caj penuh** bagi semua perkhidmatan kesihatan.

### Q2. Berapakah kadar caj pendaftaran mengikut jenis Kad Pengenalan?

Pembayaran yang sedia ada bagi caj pendaftaran **Kad Pengenalan Ungu (Warganegara Asing)** adalah sebanyak **BND3** dan bagi caj pendaftaran **Kad Pengenalan Hijau** adalah sebanyak **BND5**.

Pemegang-pemegang kedua-dua Kad Pengenalan ini akan dikenakan caj penuh bagi semua perkhidmatan kesihatan. Maksud caj penuh bagi semua perkhidmatan kesihatan adalah seperti berikut:

- Pendaftaran
- Konsultasi
- Rawatan dan prosedur
- Ubat-ubatan
- Ujian makmal dan diagnostik
- Rujukan ke hospital swasta (contoh: Gleneagles JPMC, PJSC)

### Q3. Bagaimana dengan pesakit yang menghadapi kesulitan pembayaran?

Terlebih dahulu, adalah digalakkan bagi pesakit untuk **mendapatkan perlindungan insurans kesihatan**, terutamanya bagi yang berisiko menanggung kos rawatan di bawah skim caj yang telah dikemaskini.

Pemegang pas immgresen tertentu adalah **diwajibkan** mendapatkan insurans kesihatan sepertimana telah diumumkan melalui kenyataan rasmi oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada **1 Januari 2025**.

Bagi kes-kes tertentu, Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan bentuk pembayaran yang bersesuaian berdasarkan keadaan kewangan pesakit serta memberikan nasihat lanjut mengenainya.

Sebahagian kes juga akan dirujuk kepada **Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan (Medical Social Worker)** bagi penilaian kelayakan untuk menerima bantuan yang bersesuaian.

### Q4. Perlukah kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun membayar caj perkhidmatan?

Bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, pengecualian caj bagi perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Skim Pembayaran Kementerian Kesihatan masih dikekalkan.

Walau bagaimanapun, pengecualian ini tertakluk kepada kriteria kelayakan yang akan diteliti berdasarkan dokumen sokongan yang dikemukakan.

### Q5. Bagaimana jika saya berkahwin dengan warga Brunei atau telah lama menetap di Brunei?

Awda akan tetap dikenakan caj mengikut Skim Pembayaran Kementerian Kesihatan jika memegang Kad Pengenalan Ungu (Warganegara Asing) atau Kad Pengenalan Hijau.

Penentuan kelayakan adalah bergantung kepada kategori Kad Pengenalan yang dimiliki oleh individu.

### Q6. Berapakah anggaran kos untuk prosedur-prosedur yang diberikan?

Anggaran kos prosedur-prosedur yang diberikan mengikut Skim Pembayaran Kementerian Kesihatan adalah seperti pautan berikut:

<https://moh.gov.bn/wp-content/uploads/2025/07/SCHEME-OF-CHARGES-V3.pdf>

**Q7. Bagaimana Kementerian Kesihatan mengendalikan kes-kes kecemasan?**

Kementerian Kesihatan akan tetap memberikan rawatan kepada semua pesakit, bagi kes-kes yang melibatkan kecemasan. Secara lazimnya, rawatan akan diberikan dengan segera dan berpatutan. Caj hanya akan dikenakan selepas pesakit dirawat, berdasarkan kelayakan dan status pengenalan diri masing-masing.

**Q8. Adakah caj dikenakan untuk menggunakan perkhidmatan ambulans kecemasan?**

**Perkhidmatan Ambulans Kecemasan dan Perubatan (EMAS) sentiasa tersedia secara percuma kepada orang ramai.** Walau bagaimanapun, orang ramai diingatkan agar tidak menyalahgunakan perkhidmatan ini, kerana ia boleh menjelaskan keupayaan untuk memberikan bantuan segera kepada mereka yang benar-benar memerlukannya.

**Q9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat yang lanjut?**

Awda boleh mendapatkan maklumat lanjut di laman web rasmi Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn), Talian Darussalam TD123, HAL 148, kaunter pendaftaran Hospital / Pusat Kesihatan.